

# MyGift UMP dilancar di ibu negara hari ini

UTUSAN MALAYSIA 1 OKT 2016 (DALAM NEGERI) M/S 29

**KUANTAN 30 Sept.** - Program MyGift yang diperkenalkan Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai inisiatif saluran sumbangan endowment universiti berkenaan bagi tujuan tajaan pelajaran dan penyediaan kemudahan prasarana kepada penuntut akan dilancarkan di ibu negara, esok.

Majlis pelancaran MyGift UMP dan pengurniaan biasiswa universiti berkenaan dijadual disempurnakan oleh Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah di Hotel Mandarin Oriental.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, program MyGift UMP diperkenalkan sebagai kemudahan kepada warga kampus dan alumninya serta pihak luar terutama industri dan syarikat untuk menyumbang kepada tabung endowment universiti berkenaan.

"Menerusi pendekatan 'kebaikan itu bermula daripada diri kita sendiri', sumbangan pada

awalnya memfokuskan usaha di peringkat jabatan dan fakulti sendiri.

"Hasilnya sebanyak RM1.8 juta berjaya dikumpulkan bagi manfaat pelajar. Usaha ini diteruskan dengan memperluas pengumpulan dana hasil kerjasama pihak industri dan tokoh korporat dengan sasaran nilai endowment sebanyak RM40 juta menjelang tahun 2020," katanya di sini hari ini.

Inisiatif itu merangkumi 10 jenis endowment dan tabungan iaitu Endowment Kursi, Endowment Biasiswa Pelajar, Endowment Makmal/Kemudahan dan Endowment Kecemerlangan manakala tabungan lain adalah Tabung Ramadan, Tabung Masjid, Tabung Bencana, Tabung Wakaf, Tabung Komuniti serta



DAING NASIR IBRAHIM

proaktif.

Malah, kata beliau, Kementerian Pendidikan Tinggi turut meminta semua universiti awam meneroka prospek endowment seoptimum mungkin bagi mengurangkan kebergantungan kewangan mereka kepada sumber kerajaan.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, buat pertama kalinya, Lembaga Pemegang Amanah MyGift bersetuju meluluskan

Tabung Prasarana.

Menurut Daing Nasir, realiti ekonomi semasa dan komitmen kewangan serta status autonomi yang dimiliki UMP menjadi antara faktor institusi pengajian tinggi tersebut melaksanakan inisiatif MyGift sebagai nadi pertumbuhan endowment secara

skim tajaan biasiswa sebanyak RM400,000 kepada mahasiswa baharu yang mempunyai latar belakang keluarga miskin tetapi memiliki keputusan yang cemerlang untuk meneruskan pengajian di UMP.

"Satu skim bantuan insentif pendidikan bernilai RM1,000 bagi seorang mahasiswa diluluskan bagi manfaat 10 mahasiswa baharu yang menghadapi masalah kewangan," ujarnya.

Tambah beliau, sempena pelancaran MyGift UMP dan pengurniaan biasiswanya, universiti berkenaan menganjurkan program sukan sambil beramal melalui Kejohanan Golf Amal baru-baru ini yang berjaya mengumpul lebih RM500,000.

"Bagi program larian amal UMP Splash Run '16 pula, sebanyak RM10,000 berjaya dikumpulkan hasil kutipan yang disumbangkan untuk kebajikan penuntut UMP," katanya.